



KAMARUZAMAN (dua kiri) dan Muhamad (dua kanan) menandatangani MoU itu sambil diperhatikan oleh Yusof (belakang, kiri) dan Omar (belakang, kanan).

D<sup>e</sup> 21/12/2011 7

## Kepelbagaian Sabah jadikan penyelidikan unik

KOTA KINABALU: Kepelbagaian dan keunikan sumber alam semula jadi, budaya dan adat resam di Sabah adalah pengukuh kepada kerjasama yang terjalin antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Naib Canselor, Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata kepelbagaian ini dapat memberi keunikan dalam aktiviti penyelidikan dan pengalaman yang diperolehi melalui mobiliti pelajar mahupun kakitangan kedua-dua universiti.

“Lebih daripada itu, saya juga amat optimis kerjasama ini akan merancakkan lagi dan mendaya gerak ke arah melahirkan modal insan negara, melalui kolaborasi

akademik dan mobiliti pelajar dan kakitangan,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara USM dan USIM di sini, Selasa.

Mengulas isu seorang pelajar salah sebuah universiti tempatan yang didakwa bersikap biadap dengan menurunkan bendera memaparkan gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Kamaruzaman membantah dan tidak bersetuju tindakan sedemikian dan berharap pelajar berkenaan untuk bertanggungjawab atas tindakan biadap yang dilakukannya.

Sehubungan itu, beliau berkata atas sebab-sebab sedemikian kerjasama yang erat terjalin ini diharap dapat

melaksanakan aktiviti-aktiviti berfaedah agar pelajar-pelajar kedua-dua universiti dapat menyibukkan dengan aktiviti-aktiviti yang lebih bermanfaat.

“Dengan adanya aktiviti-aktiviti sedemikian dapat mengelakkan pelajar-pelajar melakukan aktiviti yang melanggar peraturan,” kata beliau.

Turut hadir adalah Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md. Noor, Naib Canselor USIM, Dato' Dr. Muhamad Muda, Ahli Lembaga Pengarah USIM, Datuk Haji Omar Abdul Rahman, Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pegawai-pegawai Utama USIM, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj. Mohd. Said dan Pendaftar USIM, Muhammad Haizuan bin Rosli.